

08/03/2000

Arahan MT tepati peraturan

Nasir Hassan; Rahman Hashim; Noorwati Salleh; Ridzuan Yop
KUALA LUMPUR, Selasa - Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno mewajibkan bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti, menepati kehendak dan perlembagaan Umno.

Saranan MT supaya pencalonan dibuat untuk semua jawatan, termasuk presiden, timbalan presiden, naib presiden dan 25 ahli MT, mendapat sokongan penuh anggota parti di peringkat bahagian.

Di MELAKA, Badan Perhubungan Umno Negeri menyokong penuh arahan MT supaya setiap bahagian yang belum mengadakan persidangan perwakilan masing-masing, melengkapkan senarai pencalonan mereka.

Pengerusinya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, arahan itu bertujuan mengelakkan pelbagai masalah lain timbul, selain memudahkan pengiraan jumlah pencalonan yang diterima oleh calon yang ingin bertanding.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, bahawa MT mengarahkan semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan selepas ini, termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Dr Mahathir berkata, bahagian Kubang Pasu yang diketuainya dan sebelum ini mengambil pendirian berkecuali, kali ini turut diminta membuat pencalonan bagi semua jawatan itu.

Mengenai pemecatan 11 bekas ahli Umno bahagian Jasin, termasuk Omar Jaafar yang kini menjadi Ketua parti Keadilan Melaka, Mohd Ali berkata, tindakan itu diambil selepas mendapat laporan lengkap daripada Umno bahagian dan negeri.

Beliau berkata, tindakan itu diputuskan selepas MT berpuas hati, mereka yang dipecat, melakukan kesalahan serius iaitu melanggar peraturan yang sudah ditetapkan parti.

"Pada masa ini, MT hanya mendapat maklumat daripada Umno bahagian Jasin saja, tapi ini tidak bermakna Umno bahagian lain tidak terbabit.

"Oleh itu, jika Umno bahagian lain mempunyai maklumat kukuh mengenai pembabitan ahlinya dalam politik pembangkang, mereka boleh membuat aduan terus ke MT," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, arahan MT Umno supaya semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilannya membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan penting dalam parti adalah satu keputusan bijak dan wajar.

"Kalau kita biarkan perkara ini, kemungkinan ramai yang tidak akan bertanding kerana tidak mendapat pencalonan," katanya.

Beliau berkata, apa yang diputuskan Umno bahagian Tawau sudah berlalu dan sah kerana tidak melanggar perlembagaan parti tetapi keputusan MT semalam adalah bijak dan memang patut dialu-alukan.

"Pada masa ini, kalau kita hendak bertanding mesti ada kuota tertentu yang melayakkan kita dicalonkan. Kalau semua tinggal kosong dan tidak cukup orang hendak bertanding, kemungkinan bagi jawatan MT tinggal sepuluh orang saja," katanya.

Adnan berkata, di Pahang semua 11 bahagian Umno akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

Mengenai perebutan jawatan ketua wanita dan ketua pemuda Umno pula, beliau berkata, Badan Perhubungan Umno Pahang menganggap kedudukan kedua-dua jawatan itu kurang penting.

"Ini kerana apa yang penting dan menjadi tumpuan kita ialah jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

"Oleh itu, saya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri tidak akan merestukan mana-mana calon ketua wanita Umno kerana itu adalah hak wanita untuk menentukannya," katanya.

Di KOTA BHARU, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor berkata, keputusan MT itu tidak boleh dipertikaikan kerana ia sedia termaktub dalam perlembagaan parti.

"Ahli Umno tidak harus memandang remeh peraturan itu kerana ia akan menentukan pendirian bahagian dalam perhimpunan agung (pemilihan) nanti," katanya.

Katanya, yang juga Ketua Umno bahagian Bachok, peraturan itu sudah lama tetapi ada sesetengah bahagian tidak mengambil perhatian berat perkara itu.

Di GEORGETOWN, Setiausaha Eksekutif Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Azmi Merican berkata, bahagian yang tidak melengkapkan pencalonan bagi semua jawatan tertinggi dalam parti bermakna mereka tidak mengikut peraturan dan perlembagaan.

"Jika perlembagaan Umno memperuntukkan tiga jawatan bagi naib presiden pilihlah tiga dan bukan dua," katanya.

(END)